

UPM, MFM tingkat industri ayam pedaging

Oleh AQILAH MIOR
KAMARULBAID
aqilah.mks@gmail.com



KEPAKARAN Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam sektor ternakan dan pertanian tidak dapat dinafikan apabila institusi pengajian tinggi itu berjaya melahirkan graduan yang cemerlang, pakar dan berjaya dalam bidang tersebut.

Kelebihan UPM dari aspek teknikal dan kepakaran menjadi penanda aras bagi Malayan Flour Mills Berhad (MFM) untuk menjalin kerjasama dalam meningkatkan pengeluaran dan kualiti ayam pedaging yang selaras dengan matlamat syarikat berkenaan.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) yang berlangsung baru-baru ini melibatkan Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris dan Pengerusi MFM, Tan Sri Arshad Ayub sambil disaksikan oleh Pengarah Pengurusan MFM, Teh Wee Chye dan Dekan Fakulti Pertanian, Prof. Dr. Abdul Shukor Juraimi.

Menerusi kerjasama tersebut akan membantu UPM mencapai matlamatnya untuk meningkatkan Perkhidmatan Rangkaian Industri dan Komuniti serta mengukuhkan UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Unggas.

Kerjasama tersebut bermula dengan lawatan MFM ke UPM pada November tahun lalu serta lawatan ke Universiti Arkansas di Amerika Syarikat dalam mencari penyelesaian masalah pengeluaran ayam jangka panjang dalam pelbagai aspek penting



MAJLIS menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UPM diwakili Dr. Aini Ideris (dua dari kiri) dan Prof. Dr. Abdul Shukor Juraimi (kiri) manakala Malayan Flour Mills diwakili Arshad Ayub (dua, kanan) dan Teh Wee Chye (kiri) di Serdang baru-baru ini.

ekonomi seperti pengurusan, pemakanan, kualiti mentah (untuk makanan), pemprosesan hiliran produk ayam pedaging, kesejahteraan penternakan ayam dan pengkomposan kotoran ayam.

Aini ketika berucap memberitahu, UPM akan menawarkan pelbagai kepakaran melalui Fakulti Pertanian, Fakulti Perubatan Veterinar, Fakulti Sains Makanan dan Teknologi serta Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan.

“Kesemua fakulti terbabit mempunyai pelbagai jenis kepakaran dalam pengurusan ayam pedaging, pemakanan, pembiakan, kotoran ayam dan pemprosesan hiliran yang sangat relevan dengan MFM,” katanya.

Melalui MoU itu, MFM bersetuju membiayai sistem rumah tertutup untuk ayam pedaging kepada Jabatan Sains Haiwan, Fakulti Pertanian.

Tambah beliau, kos pembinaan sistem rumah tertutup dianggarkan lebih

RM500,000 selain turut menaja tiga biasiswa penuh untuk pelajar Sains Haiwan bermula September ini untuk mengikuti sub pengkhususan dalam pengeluaran ayam di Universiti Arkansas.

“Rumah tertutup itu akan dilengkapi sistem yang penuh termasuk menghalang daripada berbau dan tiada lalat.

Ini bermakna ayam yang ditenak amat bersih serta memenuhi keperluan pasaran,” jelasnya.

Sementara itu Arshad yang juga bekas graduan UPM yang dahulunya dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia, percaya hubungan baik yang tidak pernah terputus walaupun selepas tamat pengajian menjadi pendorong beliau menggalakkan kerjasama tersebut bagi membolehkan industri penternakan di negara ini terus berkembang maju.

Katanya, jumlah penduduk di negara ini berjumlah 32.1 juta secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan industri penternakan.

“Kerjasama seperti ini amat penting agar industri sentiasa memiliki bekalan yang mencukupi serta dalam masa sama membekalkan ayam yang berkualiti,” jelasnya.

KEPAKARAN
UPM dalam bidang penternakan ayam dimanfaatkan dalam pembangunan industri ayam pedaging. -
GAMBAR HIASAN

